



Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2020

<i>Dalam jutaan euro</i>	31 Disember 2020	31 Disember 2019
ASET		
Wang tunai dan baki dengan bank pusat	308,703	155,135
Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		
Sekuriti	167,927	131,935
Pinjaman dan perjanjian belian semula	244,878	196,927
Instrumen kewangan derivatif	276,779	247,287
Derivatif untuk tujuan perlindungan nilai	15,600	12,452
Aset kewangan pada nilai saksama melalui ekuiti		
Sekuriti hutang	55,981	50,403
Sekuriti ekuiti	2,209	2,266
Aset kewangan pada kos terlunas		
Pinjaman dan pendahuluan kepada institusi kredit	18,982	21,692
Pinjaman dan pendahuluan kepada pelanggan	809,533	805,777
Sekuriti hutang	118,316	108,454
Perubahan penilaian-semula ke atas portfolio terlindung nilai risiko kadar faedah	5,477	4,303
Pelaburan kewangan aktiviti insurans	265,356	257,818
Aset cukai terkini dan tertunda	6,559	6,813
Pendapatan terakru dan aset lain	140,904	113,535
Pelaburan ekuiti-kaedah	6,396	5,952
Hartanah, loji dan peralatan dan hartanah pelaburan	33,499	32,295
Aset tak ketara	3,899	3,852
Muhibah	7,493	7,817
JUMLAH ASET	2,488,491	2,164,713
LIABILITI		
Deposit daripada bank pusat	1,594	2,985
Instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian		
Sekuriti	94,263	65,490
Deposit dan perjanjian belian balik	288,595	215,093
Sekuriti hutang terbitan	64,048	63,758
Instrumen derivatif kewangan	282,608	237,885
Derivatif untuk tujuan perlindungan nilai	13,320	14,116
Liabiliti kewangan pada kos terlunas		
Deposit daripada institusi kredit	147,657	84,566
Deposit daripada pelanggan	940,991	834,667
Sekuriti hutang	148,303	157,578
Hutang subordinat	22,474	20,003
Perubahan penilaian-semula ke atas portfolio terlindung nilai risiko kadar faedah	6,153	3,989
Liabiliti cukai terkini dan tertunda	3,001	3,566
Perbelanjaan terakru dan liabiliti lain	107,846	102,749
Rizab teknikal dan liabiliti insurans lain	240,741	236,937
Peruntukan untuk kontigensi dan caj	9,548	9,486
JUMLAH LIABILITI	2,371,142	2,052,868
EKUITI		
<i>Modal saham, modal bayaran tambahan dan perolehan terkumpul</i>	<i>106,228</i>	<i>97,135</i>
<i>Pendapatan bersih bagi tempoh ini yang boleh diagih kepada pemegang saham</i>	<i>7,067</i>	<i>8,173</i>
Jumlah modal, perolehan terkumpul dan pendapatan bersih bagi tempoh ini yang boleh diagih kepada pemegang saham	113,295	105,308
Perubahan aset dan liabiliti yang diiktirafkan terus dalam ekuiti	(496)	2,145
Ekuiti pemegang saham	112,799	107,453
Kepentingan minoriti	4,550	4,392
JUMLAH EKUITI GABUNGAN	117,349	111,845
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	2,488,491	2,164,713

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

<i>Dalam jutaan euro</i>	Tahun hingga 31 Disember 2020	Tahun hingga 31 Disember 2019
Pendapatan faedah	33,589	37,327
Perbelanjaan faedah	(12,277)	(16,200)
Pendapatan komisen	13,599	13,265
Perbelanjaan komisen	(3,737)	(3,900)
Untung bersih atas instrumen kewangan pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian	6,861	7,111
Untung bersih atas instrumen kewangan pada nilai saksama melalui ekuiti	249	350
Untung bersih atas aset kewangan tidak diiktiraf pada kos terlunas	36	3
Pendapatan bersih daripada aktiviti insurans	4,114	4,437
Pendapatan dari lain-lain aktiviti	13,194	13,502
Perbelanjaan dari lain-lain aktiviti	(11,353)	(11,298)
HASIL	44,275	44,597
Bayaran gaji dan perbelanjaan manfaat pekerja	(16,946)	(17,553)
Perbelanjaan operasi lain	(10,809)	(11,339)
Susut nilai, pelunasan dan kerosakan hartanah, kilang dan peralatan dan aset tak ketara	(2,439)	(2,445)
PENDAPATAN OPERASI KASAR	14,081	13,260
Risiko kos	(5,717)	(3,203)
PENDAPATAN OPERASI	8,364	10,057
Bahagian keuntungan entiti ekuiti-kaedah	423	586
Keuntungan/kerugian bersih dari aset bukan semasa	1,030	1,569
Muhibah	5	(818)
PENDAPATAN SEBELUM CUKAI	9,822	11,394
Cukai pendapatan korporat	(2,407)	(2,811)
PENDAPATAN BERSIH	7,415	8,583
Pendapatan bersih yang boleh diagih kepada kepentingan minoriti	348	410
PENDAPATAN BERSIH BAGI PEMEGANG SAHAM EKUITI	7,067	8,173
Pendapatan asas sesaham	5.31	6.21
Pendapatan cair sesaham	5.31	6.21

Lembaga Pengarah

Pengerusi

Jean LEMIERRE

Jean-Laurent BONNAFÉ
 Jacques ASCHENBROICH
 Pierre André de CHALENDAR
 Monique COHEN
 Wouter DE PLOEY
 Hugues EPAILLARD
 Rajna GIBSON-BRANDON

Marion GUILLOU
 Denis KESSLER
 Daniela SCHWARZER
 Michel TILMANT
 Sandrine VERRIER
 Fields WICKER-MIURIN

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Nisbah Modal

NISBAH MENGIKUT PERATURAN

Kunci kira-kira Kumpulan adalah sangat kukuh. Nisbah CET1 adalah 12.8% pada 31 Disember 2020, dengan kenaikan 70 mata asas berbanding dengan 31 Disember 2019. Penjelasan adalah seperti berikut:

- memasukkan pendapatan bersih pada tahun 2020 ke dalam rizab setelah mengambil kira 50% nisbah pembayaran dividen (+50 bp);
- kenaikan organik aset berwajaran risiko pada kadar pertukaran tetap (-50 bp);
- kesan meletakkan dividen tahun 2019 ke dalam rizab (+60 bp);
- kesan-kesan lain (perlakuan berhati-hati untuk perisian) (+10 bp).

Nisbah Ekuiti Lazim Peringkat 1 (CET1) Kumpulan pada 9.22% pada 31 Disember 2020 adalah jauh lebih tinggi daripada keperluan yang diberitahu oleh Bank Pusat Eropah dan melebihi objektif rancangan tahun 2020 (12.0%).

Sejak 31 Mac 2020, Kumpulan telah mengguna pakai langkah-langkah peralihan yang berkaitan dengan pengenalan IFRS 9 berdasarkan cadangan-cadangan Bank Pusat Eropah⁽¹⁾.

NISBAH MODAL

<i>Dalam jutaan euro</i>	31 Disember 2020 ^(*)	31 Disember 2019 ^(**)
MODAL EKUITI LAZIM PERINGKAT 1 (CET1)	88,767	81,204
MODAL PERINGKAT 1	98,806	89,962
JUMLAH MODAL	113,830	103,716
ASET BERWAJARAN RISIKO	695,523	668,828
NISBAH		
Modal Ekuiti Lazim Peringkat 1 (CET1)	12.8%	12.1%
Modal Peringkat 1	14.2%	13.5%
Jumlah Modal	16.4%	15.5%

^(*) Mengikut pengaturan-pengaturan peralihan mengenai pengenalan piawaian perakaunan IFRS 9 (artikel 473a Peraturan (EU) No. 2017/2395 dan Peraturan (EU) No. 2020/873).

^(**) Data pada 31 Disember 2019 mengambil kira jangkaan awal pengagihan dividen bagi pendapatan tahun 2019 dalam pengurangan modal mengikut peraturan, yang akhirnya disimpan dalam rizab untuk tahun 2020.

Modal mengikut peraturan dan nisbah modal mengambil kira 50% nisbah pembayaran daripada pendapatan bersih 2020. Lembaga pengarah akan mencadangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan para pemegang saham untuk membayar dividen sebanyak EUR 1.11 sesaham pada bulan Mei 2021 secara tunai⁽²⁾, bersamaan dengan 21% pendapatan bersih tahun 2020, yang merupakan jumlah maksimum berdasarkan cadangan Bank Pusat Eropah pada 15 Disember 2020⁽³⁾. Pengembalian tambahan sebanyak 29% daripada keputusan tahun 2020 diniatkan selepas akhir September 2021 dalam bentuk pembelian balik saham⁽⁴⁾ atau pengagihan rizab⁽⁵⁾ sebaik sahaja Bank Pusat Eropah membatalkan cadangannya, yang dijangkakan akan dibuat pada akhir September 2021 "jika tiada perubahan tidak baik yang ketara".

⁽¹⁾ Kesan langkah-langkah peralihan ini terhadap modal dan nisbah mengikut peraturan dibentangkan di bawah "Modal mengikut peraturan" di bahagian "Pengendalian modal dan kecukupan modal".

⁽²⁾ Tertakluk kepada persetujuan Mesyuarat Agung Tahunan pada 18 Mei 2021: diasingkan pada 24 Mei 2021 dan dilbayar pada 26 Mei 2021.

⁽³⁾ "[...] Hingga 30 September 2021 [...] ECB menjangka dividen dan pembelian balik saham akan kekal di bawah 15% daripada keuntungan terkumpul untuk tahun 2019-2020 dan tidak lebih daripada 20 mata asas nisbah CET1".

⁽⁴⁾ Tertakluk kepada kelulusan Bank Pusat Eropah.

⁽⁵⁾ Tertakluk kepada persetujuan Bank Pusat Eropah dan Mesyuarat Agung Tahunan.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Capital Ratios

NISBAH TLAC

<i>Dalam jutaan euro</i>	31 Disember 2020 ^(*)	31 Disember 2019 ^(**)
Jumlah modal dan liabiliti yang layak ^(***)	167,390	143,639
Aset berwajaran risiko	695,523	668,828
NISBAH TLAC (dalam peratusan aset berwajaran risiko)	24.1%	21.5%
Jumlah pendedahan nisbah keumpilan	1,998,414	1,955,211
NISBAH TLAC (dalam peratusan jumlah pendedahan nisbah keumpilan)	8.4%	7.3%

^(*) Mengikut pengatur-an-pengatur-an peralihan berkaitan dengan pengenalan piawaian perakaunan IFRS 9 (artikel 473a Peraturan (EU) No. 2017/2395 dan Peraturan (EU) No. 2020/873).

^(**) Data pada 31 Disember 2019 mengambil kira jangkaan awal pengagihan dividen bagi pendapatan tahun 2019 dalam pengurangan modal mengikut peraturan, yang akhirnya disimpan dalam rizab untuk tahun 2020.

^(***) Mengikut Peraturan (EU) No. 2019/876, artikel 72 perenggan 3 dan 4, beberapa instrumen hutang senior pilihan (berjumlah EUR 18,294 juta pada 31 Disember 2019) layak dalam batas 2,5% aset berwajaran risiko. Kumpulan tersebut tidak menggunakan pilihan ini pada 31 Disember 2020.

Pada 31 Disember 2020, nisbah TLAC Kumpulan adalah 24.1% daripada aset berwajaran risiko, tanpa menggunakan hutang senior pilihan yang layak sehingga had 2.5% aset berwajaran risiko. Ia berjumlah 8.4% daripada pendedahan keumpilan dengan mengambil kira kesan pengecualian sementara untuk deposit di bank-bank sistem pusat Eropah⁽¹⁾.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Laporan terhadap penyata kewangan gabungan oleh Juruaudit Berkanun

Deloitte & Associés

6, place de la Pyramide
92908 Paris La Défense Cedex
France

PricewaterhouseCoopers Audit

63, rue de Villiers
92208 Neuilly-sur-Seine Cedex
France

Mazars

61, rue Henri Regnault
92400 Courbevoie
France

Untuk tahun berakhir 31 Disember 2020

Ini adalah terjemahan percuma ke Bahasa Melayu untuk laporan Juruaudit Berkanun yang diterbitkan di Perancis dan disediakan hanya untuk kemudahan pembaca yang menutur dalam Bahasa Melayu. Laporan ini termasuk maklumat yang diperlukan secara khususnya oleh pengawalseliaan Eropah atau undang-undang Perancis, seperti maklumat tentang pelantikan Juruaudit Berkanun. Laporan ini seharusnya dibaca bersama dan ditafsirkan mengikut undang-undang Perancis dan piawaian audit profesional yang digunakan di Perancis.

Kepada Pemegang Saham,
BNP Paribas SA
16 boulevard des Italiens
75009 Paris
France

Pendapat

Dengan pematuan terhadap penglibatan yang dipertanggungjawabkan kepada kami oleh Mesyuarat Agung Tahunan anda, kami telah mengaudit penyata kewangan disatukan BNP Paribas SA yang dilampirkan untuk tahun berakhir 31 Disember 2020.

Pada pendapat kami, penyata kewangan disatukan ini memberikan pandangan yang betul dan saksama terhadap aset dan liabiliti dan kedudukan kewangan Kumpulan ini pada 31 December 2020 serta hasil operasi tahun tersebut yang kemudiannya tamat mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa yang digunakan oleh Kesatuan Eropah.

Pendapat audit yang dinyatakan di atas adalah konsisten dengan laporan kami kepada Jawatankuasa Penyata Kawangan.

Asas pendapat

Rangka kerja audit

Kami melaksanakan audit kami dengan mematuhi piawaian profesional yang berkenaan di Perancis. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami memperolehi adalah mencukupi dan wajar untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Tanggungjawab kami di bawah piawaian ini dinyatakan dengan lebih lanjut di bahagian "Tanggungjawab Juruaudit Berkanun berkenaan audit penyata kewangan disatukan" dalam laporan kami.

Kebebasan

Kami melaksanakan penglibatan audit kami dengan mematuhi peraturan-peraturan kebebasan yang diperuntukkan dalam Kod Komersial Perancis (Code de commerce) dan Kod Etika Perancis (Code de déontologie) untuk Juruaudit Berkanun bagi tempoh dari 1 Januari 2020 hingga tarikh laporan kami, dan secara khususnya, kami tidak memberikan apa-apa perkhidmatan bukan audit yang dilarang oleh artikel 5(1) Peraturan (EU) No. 537/2014.

Justifikasi taksiran – Perkara audit utama

Akibat krisis global yang berkaitan dengan pandemik Covid-19, penyata kewangan dalam tempoh ini telah disusun dan diaudit di bawah syarat-syarat tertentu. Sememangnya, krisis ini dan langkah-langkah luar biasa yang diambil dalam keadaan darurat kesihatan ini telah mendatangkan banyak kesan kepada syarikat-syarikat, terutama berkaitan dengan operasi dan pembiayaan, dan telah menyebabkan ketidakpastian yang lebih ketara terhadap prospek masa depan mereka. Langkah-langkah seperti sekatan perjalanan dan kerja jarak jauh juga telah memberikan kesan kepada organisasi dalaman syarikat dan prestasi audit.

Dalam konteks yang kompleks dan berkembang ini, mengikut keperluan-keperluan artikel L.823-9 dan R. 823-7 Kod Komersial Perancis yang berkaitan dengan justifikasi penilaian kami, kami memaklumkan kepada anda tentang perkara-perkara audit utama yang berkaitan dengan risiko-risiko salah nyata dalam audit penyata kewangan gabungan kami yang paling penting menurut penilaian profesional kami, dan juga bagaimana kami menanganinya risiko tersebut.

Perkara-perkara ini dikendalikan sebagai sebahagian daripada audit kami dalam penyata kewangan disatukan secara keseluruhannya, justeru menyumbang kepada pendapat yang kami bentukkan seperti yang dinyatakan di atas. Kami tidak memberi pendapat yang berasingan terhadap item khusus penyata kewangan disatukan.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Penilaian risiko kredit dan pengukuran kerugian penurunan nilai (tahap 1, 2 dan 3) pada portfolio pinjaman pelanggan (Lihat Nota 1.e.5, 1.e.6, 1.o, 2.h, 4.e, 4.f, dan 5.p di penyata kewangan disatukan)

Perihal risiko

BNP Paribas mengiktiraf kerugian rosot nilai untuk melindungi nilai risiko kredit yang wujud dalam aktiviti pengantaraan perbankannya.

Pandemik Covid-19 telah menyebabkan krisis kesihatan dan ekonomi yang menjejaskan kemampuan pembayaran balik peminjam, syarikat dan individu, dengan situasi yang berbeza di seluruh wilayah berdasarkan geografi dan industri.

Sebagai tindak balas terhadap krisis ini, langkah-langkah kerajaan yang dilanjutkan tempoh telah diperkenalkan khusus untuk setiap negara, termasuk skim cuti kerja sementara, pelbagai skim manfaat, pinjaman yang dijamin oleh negara, dan moratorium. Pengawal selia tertentu juga telah menyesuaikan kerangka peraturan kehati-hatian mereka untuk memudahkan sokongan kepada perniagaan yang diberikan oleh bank.

Dalam persekitaran yang dikelilingi oleh ketidakpastian yang amat ketara berkaitan dengan konteks pandemik yang sedang berkembang ini, pengukuran tentang jangkaan kerugian kredit untuk portfolio pinjaman pelanggan memerlukan Kumpulan BNP Paribas untuk membuat pertimbangan yang lebih banyak dan mengambil kira andaian-andaian, khususnya untuk:

- menilai kemerosotan risiko kredit yang ketara untuk mengklasifikasikan hutang pada tahap 1, tahap 2, atau tahap 3 mengikut wilayah berdasarkan geografi dan industri;
- menyediakan unjuran makro-ekonomi yang diintegrasikan ke dalam kedua-dua kriteria untuk mengiktiraf kemerosotan dan pengukuran kerugian yang dijangkakan.
- menganggarkan jumlah kerugian yang dijangkakan mengikut tahap yang berbeza, dengan mempertimbangkan langkah-langkah sokongan dan dalam ketiadaan situasi sejarah yang setanding.

Pada 31 Disember 2020, jumlah pinjaman pelanggan belum bayar yang terdedah kepada risiko kredit berjumlah EUR 831 bilion; kerugian rosot nilai berjumlah EUR 21 bilion.

Kami menganggap penilaian risiko kredit dan pengukuran kerugian kesusutan nilai sebagai perkara audit utama sejauh mana pihak pengurusan diperlukan untuk membuat penilaian dan anggaran mengenai kredit yang diberikan kepada syarikat, terutama dalam suasana ketidakpastian yang berkaitan dengan pandemik ini dan kesan-kesannya pada tahap kemungkiran perniagaan yang sebenar pada tahun-tahun akan datang.

Cara audit kami menangani risiko ini

Kami menumpukan tugas kami pada portfolio hutang dan/atau pinjaman pelanggan yang paling penting pada tarikh pelaporan serta kredit yang diberikan kepada syarikat yang beroperasi di sektor ekonomi atau wilayah berdasarkan geografi yang paling banyak dipengaruhi oleh perubahan risiko, khususnya pandemik Covid-19.

Kami menilai kesesuaian sistem kawalan dalaman BNP Paribas, terutama penyesuaiannya dengan konteks Covid-19, dan menguji kawalan-kawalan manual dan berkomputer untuk menilai risiko kredit dan mengukur kerugian yang dijangkakan.

Tugas kami telah dipertingkatkan untuk mengambil kira perubahan risiko dan tahap ketidakpastian yang lebih tinggi dan bertumpu terutama pada:

- klasifikasi jumlah tertunggak mengikut peringkat: kami menilai sama ada perubahan risiko telah diambil kira dalam menjangka indikator-indikator yang terpakai pada pelbagai bidang perniagaan untuk mengukur kemerosotan risiko kredit yang ketara, terutama penilaian kredit rakan-rakan korporat. Kami memberi perhatian khusus kepada wilayah berdasarkan geografi dan sektor yang terjejas oleh krisis Covid-19 serta pihak-pihak yang mendapat manfaat daripada langkah-langkah sokongan.
- Pengukuran kerugian yang dijangkakan (peringkat 1, 2 dan 3):
 - dengan bantuan pakar risiko kredit kami dan bergantung pada sistem dalaman untuk pengesahan bebas model BNP Paribas, kami menilai metodologi-metodologi serta andaian-andaian yang mendasari ramalan makro-ekonomi yang digunakan oleh BNP Paribas dalam pelbagai bidang perniagaan, integrasi yang tepat untuk ramalan tersebut ke dalam sistem maklumat dan keberkesanan kawalan kualiti data; kami memberi perhatian khusus kepada penyesuaian yang dibuat pada tahun ini terhadap model-model untuk diperhitungkan berdasarkan maklumat yang ada, kesan-kesan krisis Covid-19 pada sektor yang berisiko dan prospek ramalan makro-ekonomi;
 - berkenaan dengan kerugian kesusutan nilai pinjaman tertunggak kepada syarikat yang diklasifikasikan di tahap 3, kami mengesahkan bahawa tinjauan berkala terhadap risiko kredit rakan-rakan niaga di bawah pengawasan telah dilakukan oleh BNP Paribas dan berdasarkan sampel yang lebih besar mengikut konteksnya, kami telah menilai andaian-andaian dan data yang digunakan oleh pihak pengurusan untuk menganggarkan kesusutan nilai;
 - akhir sekali, kami memastikan bahawa langkah-langkah yang diberikan kepada pelanggan-pelanggan semasa krisis ini (moratorium, pinjaman yang dijamin oleh negara, dll.) telah dimasukkan ke dalam penilaian risiko.

Di samping itu, kami meneliti pendedahan dalam nota-nota penyata kewangan gabungan berkenaan dengan risiko kredit dalam konteks pandemik yang sedang berkembang dan khususnya pendedahan yang diperlukan oleh IFRS 9 mengenai risiko kredit.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Penilaian instrumen kewangan

(Lihat Nota 1.e.7, 1.e.10, 1.o, 2.a, 2.c, 4.a dan 4.d di penyata kewangan disatukan)

Perihal risiko

Sebagai sebahagian daripada aktiviti perdagangannya, BNP Paribas memegang instrumen kewangan (aset dan liabiliti) yang diiktiraf dalam kunci kira-kira pada nilai pasaran.

Nilai pasaran ditentukan mengikut pelbagai pendekatan, bergantung kepada jenis instrumen dan kerumitannya: (i) menggunakan harga disebut yang boleh diperhatikan secara langsung (instrumen yang diklasifikasikan dalam tahap 1 hierarki nilai saksama); (ii) menggunakan model penilaian yang mana input utama boleh diperhatikan (instrumen yang diklasifikasikan dalam tahap 2); dan (iii) menggunakan model penilaian yang mana input utama tidak boleh diperhatikan (instrumen yang diklasifikasikan dalam tahap 3).

Penilaian yang diperoleh boleh tertakluk kepada pelarasan nilai tambahan untuk mengambil kira risiko perdagangan, kecairan dan pihak berlawanan yang tertentu.

Oleh itu, teknik yang digunakan oleh pengurusan untuk mengukur instrumen ini mungkin melibatkan pertimbangan yang signifikan berkenaan model dan data yang digunakan.

Pada 31 Disember 2020, instrumen kewangan mewakili EUR 681.3 bilion (di mana EUR 5.1 bilion untuk instrumen tahap 3) di bawah aset dan EUR 663.6 bilion (di mana EUR 11.3 bilion untuk instrumen tahap 3) di bawah liabiliti.

Berdasarkan kematangan belum jelas yang material dan pertimbangan yang digunakan untuk menentukan nilai pasaran, kami menganggap pengukuran instrumen kewangan sebagai perkara audit penting, terutamanya pengukuran instrumen tahap 3 berkenaan penggunaan input tidak boleh diperhatikan.

Cara audit kami menangani risiko ini

Dengan bantuan pakar penilaian kami, kami mengesahkan kawalan utama yang digunakan oleh BNP Paribas berkenaan penilaian instrumen kewangan berfungsi dengan wajar, terutamanya terhadap perkara yang berkenaan:

- kelulusan dan semakan kerap oleh pengurusan terhadap risiko model penilaian;
- pengesahan bebas terhadap input penilaian;
- penentuan pelarasan nilai.

Berdasarkan satu sampel, pakar penilaian kami:

- menganalisis kerelevanan andaian dan input yang digunakan;
- menganalisis keputusan pengesahan bebas terhadap input oleh BNP Paribas;
- menjalankan penilaian kaunter bebas dengan menggunakan model kami sendiri.

Kami juga menganalisis perbezaan di antara penilaian yang diperolehi dan panggilan cagaran dengan pihak berlawanan pada asas sampel.

Selain itu, kami memeriksa pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan berkenaan penilaian instrumen kewangan.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Kerosotan nilai muhibah

(Lihat Nota 1.b.4, 1.o dan 4.o di penyata kewangan disatukan)

Perihal risiko

Semasa mengiktirafkan pengambilalihan, BNP Paribas mencatatkan muhibah di bawah aset, bersesuaian dengan lebih harga perolehan saham syarikat yang diambil alih melebihi nilai kepentingan Kumpulan. Pada 31 Disember 2020, muhibah berjumlah EUR 7.5 bilion.

Muhibah diuji atas kerosotan nilai sekurang-kurangnya satu kali setahun atau lebih kerap jika terdapatnya petunjuk rosot nilai. Membandingkan jumlah yang dibawa oleh unit penjana tunai kepada yang mana muhibah diperuntukkan dengan jumlah boleh pulihnyalah ialah langkah utama dalam proses menentukan sama ada caj rosot nilai harus dicatatkan.

Kami menganggap kesusutan nilai muhibah sebagai perkara audit yang utama kerana pihak pengurusan dikehendaki untuk membuat penilaian bagi menentukan andaian-andaian pendapatan pihak yang mengambil alih pada masa depan dan untuk mengukur jumlah yang boleh diperolehi kembali dari unit penjana tunai, terutama semasa pandemik Covid-19.

Cara audit kami menangani risiko ini

Pendekatan audit kami termasuk taksiran ke atas prosedur yang dilaksanakan dalam BNP Paribas untuk menguji muhibah terhadap rosot nilai selain kawalan yang dibentuk untuk mengenal pasti petunjuk kerosotan nilai muhibah.

Dengan bantuan pakar penilaian kami, kerja kami ke atas baki muhibah pada 31 Disember 2020 secara terutamanya termasuk:

- menganalisis cara yang digunakan oleh BNP Paribas;
- menilai secara kritikal rancangan-rancangan perniagaan sementara yang diluluskan oleh Pengurusan Eksekutif untuk memastikan kewajaran anggaran aliran tunai masa depan yang dinyatakan di dalamnya (khususnya apabila ramalan-ramalan tidak selaras dengan prestasi masa lalu). Kami memberi perhatian khusus kepada kesan-kesan krisis Covid-19 yang termasuk dalam rancangan-rancangan sementara ini;
- menganalisis secara kritikal andaian utama yang digunakan (kadar pertumbuhan, kos modal dan kadar diskaun) berkenaan maklumat luaran yang ada;
- mentaksir analisis kepekaan anggaran terhadap input utama (terutamanya apabila jumlah boleh dipulih menghampiri jumlah dibawa).

Akhir sekali, kami mengesahkan kesesuaian pendedahan dalam nota kepada penyata kewangan disatukan terhadap keputusan ujian kerosotan nilai dan kepekaan.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Kawalan IT umum

Perihal risiko

Kebolehpercayaan dan keselamatan sistem IT memainkan peranan penting dalam penyediaan penyata kewangan disatukan BNP Paribas.

Oleh itu, kami menganggap penilaian pengendalian IT umum terhadap infrastruktur dan aplikasi yang menyumbang kepada penyediaan maklumat perakaunan dan kewangan sebagai perkara audit utama.

Secara khususnya, sistem untuk mengawal hak akses kepada sistem IT dan tahap pemberian kuasa berdasarkan profil pekerja mewakili kawalan penting untuk mengehadkan risiko perubahan yang tidak wajar terhadap tetapan aplikasi atau data sandaran.

Cara audit kami menangani risiko ini

Bagi sistem utama yang digunakan untuk menyediakan maklumat perakaunan dan kewangan, dengan bantuan pakar IT kami, kerja kami termasuk terutamanya:

- mendapatkan pemahaman terhadap sistem, proses dan kawalan yang memperkukuh data perakaunan dan kewangan;
- mentaksir kawalan IT umum (pengurusan aplikasi dan akses data, pengurusan perubahan/pembangunan aplikasi dan pengurusan operasi IT) ke atas sistem material (secara khususnya aplikasi perakaunan, penyatuan, dan penyesuaian automatik);
- memeriksa kawalan terhadap pemberian kuasa entri perakaunan secara manual;
- melaksanakan prosedur audit tambahan, sebagaimana wajar.

Analisis risiko undang-undang berkenaan siasatan kawal selia dan pentadbiran serta tindakan kelas berkenaan

(Lihat Nota 1.o, 2.h, 4.p dan 7.b di penyata kewangan disatukan)

Perihal risiko

Dalam setiap negara yang BNP Paribas wujud, BNP Paribas tertakluk kepada pengawalseliaan yang digunakan ke atas sektor yang BNP Paribas beroperasi. Jika Kumpulan tidak mematuhi kepada undang-undang dan kawal selia yang berkenaan, ia mungkin terdedah kepada denda signifikan dan sekatan pentadbiran dan jenayah yang lain. Ia juga mungkin menyebabkan kerugian akibat daripada pertikaian undang-undang swasta berhubungan dengan atau tidak berkenaan dengan sekatan ini.

Apa-apa peruntukan yang diakui untuk menutup kesan-kesan penyelidikan terhadap ketidakpatuhan peraturan-peraturan tertentu memerlukan penilaian kerana kesulitan dalam menganggarkan keputusan prosedur-prosedur mengikut peraturan.

Segala peruntukan yang diakui berkenaan dengan tindakan kelas atau perselisihan undang-undang persendirian yang lain juga mengkehendaki pihak pengurusan untuk membuat penilaian.

Berdasarkan peningkatan siasatan pengawalseliaan dan pentadbiran serta tindakan kelas yang dikenakan kepada pertubuhan kewangan pada tahun-tahun kebelakangan ini serta pertimbangan signifikan yang dilaksanakan oleh pengurusan untuk menentukan amaun peruntukan yang diiktiraf, kami menganggap risiko ini ialah perkara audit penting.

Cara audit kami menangani risiko ini

Kami membiasakan diri dengan prosedur untuk mengenal pasti dan menilai risiko undang-undang berkenaan dengan penyiasatan peraturan dan pentadbiran dan tindakan kelas, khususnya melalui wawancara suku tahunan dengan bahagian undang-undang BNP Paribas.

Kerja kami secara utamanya termasuk:

- mendapatkan pemahaman terhadap analisis yang disediakan oleh jabatan kewangan dan undang-undang pada setiap tempoh perakaunan suku tahunan;
- menemu soal firma undang-undang tertentu yang bekerja bersama BNP Paribas apabila berlaku pertikaian undang-undang.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Rizab teknikal syarikat insurans

(Lihat Nota 1.f.3, 1.o dan 4.j di penyata kewangan disatukan)

Perihal risiko

Pada akhir tahun, ujian kecukupan liabiliti dilakukan ke atas aktiviti insurans BNP Paribas.

Tujuan ujian ini adalah untuk memastikan bahawa liabiliti berkenaan dengan kontrak insurans dan kontrak pelaburan dengan pembahagian keuntungan mengikut budi bicara adalah mencukupi berdasarkan anggaran semasa aliran tunai masa depan yang akan dihasilkan oleh kontrak tersebut.

Sekiranya ujian menunjukkan bahawa jumlah liabiliti insurans tidak mencukupi berhubung dengan anggaran aliran tunai masa depan, jumlah kerugian berpotensi ditunjukkan dalam penyata untung rugi.

Pada 31 Disember 2020, jumlah rizab insurans teknikal dan liabiliti lain berjumlah EUR 241 bilion.

Ujian yang dilakukan pada 31 Disember 2020 mengesahkan bahawa jumlah simpanan rizab adalah mencukupi.

Kami menganggap pelaksanaan ujian kecukupan liabiliti untuk perniagaan Simpanan adalah perkara audit utama kerana ujian tersebut adalah berdasarkan model aktuari, pilihan-pilihan pemodelan dan jaminan-jaminan yang khusus untuk BNP Paribas dan memerlukan pihak pengurusan untuk membuat penilaian bagi menentukan andaian-andaian utama yang tertentu (contohnya kadar diskaun, pulangan aset, kadar atau bayaran penyerahan). Kepekaan ujian terhadap anggaran yang amat tinggi pada tahun-tahun kebelakangan ini akibat kadar yang rendah, semakin menonjol akibat krisis Covid-19, yang telah menyebabkan turun naik nilai saham yang ketara dan penurunan kadar.

Cara audit kami menangani risiko ini

Berdasarkan satu sampel, kami mentaksir jumlah aliran tunai masa depan yang digunakan dalam pengiraan, secara khususnya dengan:

- mentaksir kesahihan data pada portfolio aset dan kontrak yang digunakan sebagai titik mula pelaksanaan pemodelan;
- mengenal pasti perubahan utama yang dibuat ke atas model aktuari, mentaksir kerelevanan perubahan tersebut dan mendapatkan pemahaman terhadap impaknya ke atas keputusan ujian;
- menganalisis perbezaan keputusan model antara 2019 dan 2020 dengan menggunakan analisis yang disediakan oleh BNP Paribas. Kami mengesahkan bahawa kebanyakan perbezaan material dijustifikasi melalui perubahan dalam portfolio, andaian atau model.
- memeriksa keputusan-keputusan analisis kepekaan yang dilakukan oleh BNP Paribas, terutama yang berkaitan dengan andaian-andaian kadar dan konsistensinya dengan kadar pasaran sejak bermulanya krisis Covid-19.

Sebagai tambahan, kami memeriksa pendedahan dalam nota-nota penyata kewangan berkenaan dengan liabiliti insurans.

Pengesahan spesifik

Sebagaimana yang diperlukan oleh perundangan dan pengawalseliaan dan mengikut piawaian profesional yang digunakan di Perancis, kami juga telah mengesahkan maklumat yang berkaitan dengan Kumpulan yang dibentangkan dalam laporan pengurusan Lembaga Pengarah.

Kami tidak mempunyai perkara untuk dilaporkan tentang pembentangan saksamanya dan kekonsistennya dengan penyata kewangan disatukan.

Kami membuktikan bahawa laporan pengurusan Kumpulan termasuk penyata maklumat bukan kewangan disatukan yang diperlukan di bawah artikel L.225-102-1 Kod Komersial Perancis. Walau bagaimanapun, mengikut artikel L.823-10 Kod Komersial Perancis, kami tidak mengesahkan pembentangan saksama dan kekonsistenan dengan penyata kewangan disatukan bagi maklumat yang diberikan dalam pernyataan tersebut yang akan menjadi subjek laporan pihak ketiga yang bebas.

Pengesahan-pengesahan dan maklumat-maklumat lain menurut keperluan undang-undang dan peraturan

Pembentangan penyata kewangan gabungan yang termasuk dalam laporan kewangan tahunan

Berdasarkan perenggan III artikel 222-3 Peraturan-peraturan Umum AMF, pihak pengurusan Syarikat telah memaklumkan kepada kami tentang keputusannya untuk menangguhkan penerapan format pelaporan elektronik tunggal, seperti yang ditentukan oleh Peraturan Delegasi Eropah No. 2019/815 pada 17 Disember 2018, untuk tempoh pelaporan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2021. Dengan demikian, laporan ini tidak mengandungi kesimpulan tentang kepatuhan pembentangan penyata kewangan gabungan yang termasuk dalam laporan kewangan tahunan yang dirujuk dalam perenggan I artikel L.451- 1- 2 Kanun Kewangan dan Kewangan Perancis (Code monétaire et financier) dengan format ini.

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

Pelantikan Juruaudit Berkanun

Kami dilantik sebagai Juruaudit Berkanun BNP Paribas SA oleh Mesyuarat Agung Tahunan yang dilangsungkan pada 23 Mei 2006 untuk Deloitte & Associés, 26 Mei 1994 untuk PricewaterhouseCoopers Audit dan 23 Mei 2000 untuk Mazars.

Pada 31 Disember 2020, Deloitte & Associés, PricewaterhouseCoopers Audit dan Mazars, masing-masing telah memberikan perkhidmatan mereka untuk tahun kelima belas, kedua puluh tujuh dan kedua puluh satu secara berturut-turut.

Tanggungjawab pengurusan dan mereka yang dipertanggungjawabkan dengan pentadbiran penyata kewangan disatukan

Pengurusan bertanggungjawab menyediakan penyata kewangan disatukan yang membentangkan pandangan betul dan saksama mengikut Piawaian Laporan Kewangan Antarabangsa sebagaimana yang digunakan oleh Kesatuan Eropah serta untuk melaksanakan prosedur kawalan dalaman yang dianggapnya perlu untuk penyediaan penyata kewangan disatukan yang tidak mempunyai salah nyata material, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Dalam penyediaan penyata kewangan disatukan, pengurusan bertanggungjawab untuk mentaksir kebolehan untuk teruskan sebagai usaha berterusan, mendedahkan, sebagaimana berkenaan, perkara berkenaan usaha berterusan, dan menggunakan asas perakaunan usaha berterusan, kecuali jika ia menjangka untuk membubarkan syarikat atau memberhentikan operasi.

Jawatankuasa Penyata Kewangan bertanggungjawab untuk memantau proses pelaporan kewangan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko, serta, di mana berkenaan, semua sistem audit dalaman berkenaan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan.

Penyata kewangan disatukan diluluskan oleh Lembaga Pengarah BNP Paribas SA.

Tanggungjawab Juruaudit Berkanun berkenaan audit penyata kewangan disatukan

Objektif dan pendekatan audit

Peranan kami adalah untuk menerbitkan laporan terhadap penyata kewangan disatukan. Objektif kami adalah untuk mendapatkan asurans munasabah tentang sama ada penyata kewangan disatukan secara keseluruhannya bebas daripada salah nyata material. Asurans munasabah ialah asurans tahap tinggi, tetapi bukan jaminan bahawa audit yang dilakukan mengikut piawaian profesional dapat mengesan salah nyata material jika ada. Salah nyata boleh timbul daripada fraud atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, ia secara munasabah boleh dijangka mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang berdasarkan penyata kewangan disatukan ini.

Seperti yang dinyatakan dalam artikel L.823-10-1 Kod Komersial Perancis, audit kami tidak termasuk asurans terhadap daya maju atau mutu pengurusan syarikat.

Sebagai sebahagian daripada audit yang dilaksanakan mengikut piawaian profesional yang digunakan di Perancis, Juruaudit Berkanun melaksanakan pertimbangan profesional sepanjang audit.

Mereka juga:

- mengenal pasti dan mentaksir risiko salah nyata material penyata kewangan disatukan, sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan, membentuk dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko tersebut, serta mendapatkan bukti audit yang dianggap mencukupi dan wajar untuk memberi asas kepada pendapat mereka. Risiko tidak mengesan salah nyata material yang disebabkan oleh fraud adalah lebih tinggi berbanding salah nyata material yang disebabkan oleh kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, pengabaian sengaja, salah nyata, atau pengatasan kawalan dalaman;
- mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang relevan dengan audit untuk membentuk prosedur audit yang wajar dalam keadaan tersebut, tetapi bukan untuk tujuan menyatakan pendapat tentang keberkesanan kawalan dalaman;
- menilai kewajaran polisi perakaunan dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan berkenaan pendedahan dalam nota-nota penyata kewangan disatukan;

Penyata kewangan gabungan bagi tahun berakhir 31 Disember 2020

- mentaksir kewajaran penggunaan pengurusan tentang asas perakaunan usaha berterusan dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada ketidakpastian material wujud berkenaan peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan signifikan terhadap kebolehan syarikat untuk teruskan sebagai usaha berterusan. Taksiran ini adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan audit. Namun begitu, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan syarikat berhenti sebagai usaha berterusan. Jika Juruaudit Berkanun menyimpulkan bahawa satu ketidakpastian material wujud, mereka perlu menegaskan dalam laporan audit kepada pendedahan yang berkenaan dalam penyata kewangan disatukan atau, jika pendedahan sebegini tidak disediakan atau tidak mencukupi, untuk menerbitkan satu pendapat yang bertauliah atau satu penafian pendapat;
- menilai pembentangan keseluruhan penyata kewangan disatukan dan mentaksir sama ada penyata ini mewakili transaksi dan peristiwa dalamnya dengan cara yang mencapai pembentangan saksama;
- mendapatkan bukti audit wajar yang mencukupi berkenaan maklumat kewangan entiti atau aktiviti perniagaan dalam kumpulan untuk menyatakan satu pendapat terhadap penyata kewangan disatukan. Juruaudit Berkanun bertanggungjawab terhadap arah, penyeliaan dan prestasi audit penyata kewangan disatukan dan terhadap pendapat yang dinyatakan di atasnya..

Laporan kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan

Kami menyerahkan satu laporan kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan yang secara khususnya termasuk perihal skop audit dan program audit yang dilaksanakan, serta keputusan audit kami. Kami juga melaporkan kekurangan signifikan dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti berkenaan prosedur pelaporan perakaunan dan kewangan.

Laporan kami kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan termasuk risiko salah nyata material yang, pada pertimbangan profesional kami, paling signifikan dalam audit penyata kewangan disatukan dan yang mengandungi perkara audit penting yang kami perlukan untuk menerang dalam laporan ini.

Kami juga menyerahkan akuan yang disediakan dalam artikel 6 Pengawalseliaan (EU) No 537/2014 kepada Jawatankuasa Penyata Kewangan, mengesahkan kebebasan kami dalam takrif peraturan yang digunakan di Perancis, seperti yang ditakrifkan dalam artikel L.822-10 hingga L.822-14 Kod Komersial Perancis dan dalam Kod Etika Perancis untuk Juruaudit Berkanun. Sebagaimana wajar, kami membincangkan mana-mana risiko terhadap kebebasan kami dan langkah-langkah pengawalan bersama Jawatankuasa Penyata Kewangan.

Paris La Défense, Neuilly-sur-Seine and Courbevoie, 2 Mac 2021

The Statutory Auditors

Deloitte & Associés

Laurence Dubois

PricewaterhouseCoopers Audit

Patrice Morot

Mazars

Virginie Chauvin

Nota-nota kepada Akaun ini yang membentuk sebahagian penting Penyata Kewangan dan senarai Syarikat-syarikat Subsidiari boleh didapati di dalam laporan Tahunan, salinan yang boleh diperolehi melalui permohonan dari Cawangan Singapura.

BNP Paribas ialah ahli skim jaminan deposit yang ditubuhkan mengikut undang-undang Perancis mengundurkan Arahan 2014/49/EU. Undang-undang Perancis memberikan ranking keutamaan, antara biasa, tidak bercagar dan pemiutang bukan pilihan kepada para pendeposit cawangan EU dan EEA bank bagi deposit dan jumlah berkelayakan dalam skim jaminan deposit Perancis, sekiranya sesuatu penggulungan Bank yang diperintahkan oleh mahkamah. Deposit diadakan dalam cawangan bank bukan EU (atau bukan EEA) tidak akan mendapat manfaat skim jaminan deposit Perancis dan oleh itu, akan diberikan (sehingga jumlah yang dijamin oleh skim itu) keutamaan yang lebih rendah berbanding dengan para pendeposit yang akan bermanfaat dari skim ini.